

Bahagian A
(10 markah)
(Masa yang dicadangkan : 15 minit)

Tuliskan lima ayat yang lengkap tentang aktiviti-aktiviti yang terdapat dalam gambar di bawah.



1. _____

2. _____

3. _____

4. _____

5. _____

Bahagian B

(Masa yang dicadangkan: 40 minit)

(30 markah)

Pilih satu daripada tajuk-tajuk di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 80 patah perkataan.

- 1 Kamu dan rakan-rakan kamu sedang mengikuti latihan sukan di padang sekolah. Tiba-tiba salah seorang rakan kamu telah jatuh pengsan. Ceritakan pengalaman kamu memberikan pertolongan kepada rakan kamu itu.

ATAU

- 2 Masa sangat berharga. Bincangkan tentang cara-cara mengisi masa lapang dengan berfaedah.

ATAU

- 3 Kamu tidak sengaja menghilangkan buku cerita yang kamu pinjam dari perpustakaan Sekolah. Tulis sepucuk surat kepada Guru Pusat Sumber Sekolah kamu untuk memberitahu kehilangan buku tersebut.

Bahagian B

Bahagian C

(Masa yang dicadangkan: 20 minit)

(20 markah)

Tuliskan 5 pengajaran yang dapat kamu peroleh daripada petikan di bawah. Panjang jawapan kamu mestilah tidak lebih daripada 50 patah perkataan .

Tulis jawapan kamu dalam satu perenggan.

Sampai di sekolah aku terus meletakkan basikal di ruang yang disediakan. Aku segera ke pintu pagar sekolah kerana minggu ini aku bertugas di situ. Sampai sahaja di sana, kedengaran loceng berbunyi menandakan pukul 7.30 pagi. Aku menahan beberapa orang murid lelaki kerana tiba lewat dan mencatatkan nama mereka. Aku tersenyum sahaja apabila mendengar kata-kata kesat daripada mereka. Sebelum melepaskan mereka masuk kedalam kelas aku sempat menasihati mereka agar jangan dating lewat ke sekolah.

Jam menunjukkan pukul 7.50 pagi menandakan selesai aku bertugas. Aku melangkah kaki menuju ke kelas. Dalam perjalanan aku terfikir tentang tugas aku sebagai seorang pengawas. Walaupun banyak dugaan aku tetap mahu meneruskan tugas ini. Aku percaya, seorang pengawas mempunyai peranan yang besar bagi meningkatkan disiplin murid-murid. Lamunan aku terhenti apabila sampai di kelas. Aku mengetuk pintu lalu masuk setelah di benarkan oleh Cikgu Mia Sara. Aku segera mengeluarkan buku latihan matematik dan mula menumpukan perhatian terhadap pelajaran yang diajar oleh Cikgu Mia Sara.

Bahagian C